Terma dan Syarat

Peraduan 1: **JEJAK MSAM**

Tempoh Peraduan: **9 November 2026 hingga 29 November 2026**

1. Peraduan Jejak MSAM ("Peraduan") ini dianjurkan oleh Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB").
2. Peraduan ini dianjurkan secara maya, dan penyertaan adalah melalui platform Instagram rasmi **PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V))** ("ASNB") dan **Minggu Saham Amanah Malaysia** ("MSAM") iaitu **@PNBmy, @ASNBmy dan @MSAMmy** (secara kolektif, dirujuk sebagai "Akaun Rasmi Instagram").
3. Peraduan akan dipromosikan melalui Akaun Rasmi Instagram, serta platform '*key opinion leader'* (KOL) dalaman dan luaran di Instagram, TikTok dan Facebook. Walau bagaimanapun, penyertaan hanya boleh dibuat melalui Akaun Rasmi Instagram.

4. **KELAYAKAN:**
   - 4.1 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada tarikh permulaan Peraduan.
   - 4.2 Peraduan ini tidak terbuka kepada kakitangan PNB, ASNB dan ahli keluarga terdekat. Untuk mengelakkan keraguan, 'ahli keluarga terdekat' bermaksud pasangan dan anak-anak kepada pekerja PNB dan syarikat-syarikat dalam kumpulan PNB (termasuk ASNB).

5. **SYARAT-SYARAT PERADUAN**
   - 5.1 Sepanjang Tempoh Peraduan, peserta perlu menyertai dan menjawab kuiz mingguan yang disiarkan melalui Akaun Rasmi Instagram.
   - 5.2 Untuk menyertai, peserta perlu:
     a. Merupakan pemegang unit dana unit amanah ASNB dan mempunyai akaun ASNB yang aktif sepanjang tempoh peraduan;

b. Mengikuti Akaun Rasmi Instagram;

c. Menjawab semua soalan kuiz yang disiarkan sepanjang Tempoh Peraduan;

d. Mengemukakan jawapan mengikut format dan arahan yang ditetapkan dalam hantaran cabaran; dan

e. Menghantar jawapan di ruangan komen yang disediakan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

6. **KRITERIA PENILAIAN**

6.1 Pemenang akan dipilih berdasarkan:

a. Ketepatan dan kelengkapan jawapan; dan

b. Masa penyertaan diterima, di mana peserta yang mengemukakan jawapan yang betul dan lengkap dalam masa terpantas akan diutamakan.

6.2 Hanya satu (1) penyertaan dibenarkan bagi setiap peserta untuk setiap cabaran. Penyertaan berganda atau duplikasi boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.

6.3 PNB berhak membatalkan mana-mana penyertaan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat peraduan, mengandungi maklumat tidak tepat, palsu atau mengelirukan.

6.4 Keputusan PNB adalah muktamad dan sebarang rayuan, pertikaian atau bantahan tidak akan dilayan.

7. **HADIAH**

7.1 Pemenang akan dipilih mengikut budi bicara mutlak PNB dan akan dihubungi pada bila-bila masa melalui melalui '*direct message*' (DM) di akaun peribadi peserta.

7.2 Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a. **Hadiah Utama:**

- Samsung S26 ULTRA 512GB

b. **Hadiah Kedua:**

- Nintendo Switch 2 (Pokemon Pokopia Bundle)

c. **Hadiah Ketiga:**

- AirPods 5

d. **Hadiah Saguhati:**

- RM300.00 dalam bentuk kod tambah nilai Touch 'n Go eWallet (TNG Reload PIN) untuk lima belas (15) pemenang.

7.3 Sekiranya pemenang tidak dapat menerima hadiah tanpa memberikan sebab yang munasabah kepada pihak PNB dan/atau tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan berkaitan urusan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh pihak PNB melalui telefon atau sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, maka pihak PNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.

7.4 Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik dan/atau digantikan dengan wang tunai.

8. TINGKAH LAKU DAN KANDUNGAN

8.1 Peserta bertanggungjawab untuk memastikan kandungan hantaran jawapan mematuhi etika komunikasi, bersifat sopan, relevan, dan tidak mengandungi sebarang elemen yang boleh menyinggung sensitiviti mana-mana pihak, terutamanya melibatkan bahasa atau mesej yang berunsur fitnah dan provokatif.

8.2 PNB berhak untuk membatalkan penyertaan yang melanggar terma dan syarat ini dan/atau garis panduan komuniti Instagram.

9. HAK MILIK INTELEK DAN PUBLIKASI

9.1 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta memberikan PNB hak bukan eksklusif, bebas royalti dan setarafnya untuk menggunakan, menghasilkan semula dan menerbitkan penyertaan, nama pengguna dan kandungan berkaitan untuk tujuan promosi.

9.2 Peserta mengakui dan bersetuju bahawa penyertaan mereka boleh dipaparkan dan dikongsi secara umum di Akaun Rasmi Instagram.

10. **LIABILITI DAN PENAFIAN**

10.1 PNB dan ASNB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan, kelewatan penghantaran jawapan, atau sekiranya berlaku ralat dalam sistem.

10.2 PNB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Peraduan ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah PNB dan ASNB.

10.3 Peraduan ini tidak ditaja, disokong atau dikendalikan oleh Instagram. Semua peserta bersetuju melepaskan Instagram daripada sebarang liabiliti berkaitan Peraduan ini.

11. **DATA PERIBADI**

11.1 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju bahawa data peribadi mereka akan diproses mengikut dasar privasi PNB dan ASNB dan undang-undang perlindungan data yang terpakai.

11.2 Peserta bersetuju untuk memberikan kebenaran kepada PNB untuk menggunakan nama, maklumat peribadi, dan gambar peserta bagi tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti selaras dengan undang-undang yang terpakai tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

11.3 Peserta turut bersetuju bahawa data peribadi yang dikumpulkan akan digunakan bagi tujuan pengurusan Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pentadbiran penyertaan dan pengurusan pemberian hadiah.

12. **TERMA DAN SYARAT LAIN**

12.1 Keputusan PNB berhubung semua perkara berkaitan Peraduan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan,

bantahan atau cubaan untuk mencabar keputusan tersebut tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan sekalipun.

12.2 PNB dan ASNB berhak untuk mengubah, meminda, menamatkan atau membatalkan Peraduan ini dan/atau terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terdahulu, dan ia adalah mengikat kepada semua peserta.

12.3 PNB dan ASNB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian dalam apa jua bentuk yang dialami atau ditanggung oleh peserta, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada penyertaan dalam Peraduan ini atau sebaliknya.

12.4 Terma dan syarat Peraduan ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi (termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan promosi bercetak dan elektronik), yang mengiklankan Peraduan.

12.5 Terma dan syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.